

11 SEP 1997

PELAYAR BERTARAF DUNIA DI KEJOHANAN CABARAN MALAYSIA

LANGKAWI, 11 Sept (Bernama) -- Beberapa pelayar bertaraf dunia telah mengesahkan penyertaan mereka dalam "Malaysia Challenge 97" iaitu grand prix lumba layar antarabangsa yang akan diadakan di sini selama enam hari bermula 2 Dis ini.

Antara yang mengambil bahagian ialah pemenang Piala Amerika Russell Coutts (New Zealand), Juara Lumba Pertandingan Dunia, Peter Gilmour (Australia), pemenang pingat emas tiga kali di Sukan Olimpik, Johan Schuemann (Jerman) dan Magnus Holmberg (Sweden) yang kini menduduki tempat keempat di senarai dunia.

Pengerusi Eksekutif Huswah Exhibition Sdn Bhd salah satu daripada penganjur acara berprestij itu, Laksmana Madya (B) Tan Sri Abdul Wahab Nawi berkata, kejohanan itu akan menguji kebolehan untuk bekerja dalam pasukan dan kemahiran taktikal dalam percubaan mereka memenangi hadiah wang tunai terbesar dalam sirkit antarabangsa - AS\$100,000.

Abdul Wahab yang sebelum itu memberi taklimat kepada Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar mengenai persediaan bagi Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi (Lima '97) berkata, acara itu diadakan sempena Lima '97.

Acara itu yang pertama kali diadakan di Malaysia akan berlangsung berhampiran Star Cruise Terminal - tempat berlangsungnya Lima '97.

Cabaran Malaysia '97 itu diluluskan dan dikawal oleh Peraturan Perlumbaan Persekutuan Pelayaran Antarabangsa. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan penaung Malaysia Challenge '97 itu. --
BERNAMA

RV PR